

## KHUTBAH GERHANA BULAN

الْحَمْدُ لِلَّهِ وَسَلَامٌ عَلَى عِبَادِهِ الَّذِينَ اصْطَفَى،

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ، اللَّهُمَّ صَلِّ

وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ

إِلَى يَوْمِ الدِّينِ،

أَمَّا بَعْدُ فَيَا عِبَادَ اللَّهِ ! اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ

Sidang jemaah sekalian,

Marilah kita sama-sama meningkatkan keimanan dan ketaqwaan kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan sebenar-benar taqwa, iaitu istiqamah dalam mengerjakan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Dengan yang demikian, mudah-mudahan kita menjadi umat yang terbaik dan unggul serta mendapat keredhaan Allah Subhanahu Wata'ala di dunia dan di akhirat.

Allah berfirman dalam Surah Al-Baqarah, ayat 117 :

"بَدِيعُ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ ۖ وَإِذَا قَضَىٰ أَمْرًا فَإِنَّمَا يَقُولُ لَهُ كُنْ فَيَكُونُ"

Terjemahan: Allah jualah yang menciptakan langit dan bumi (dengan segala keindahan-nya); dan apabila ia berkehendaki (untuk menjadikan) suatu, maka Ia hanya berfirman kepadanya; "Jadilah engkau!" Lalu menjadilah ia.

Sidang Jemaah yang dirahmati Allah,

Allah Subhanahu Wata'ala adalah Pencipta sekalian alam, Dialah yang menjadikan apa yang ada di bumi seperti manusia, jin, tumbuh-tumbuhan dan haiwan, serta menjadikan apa yang ada di langit seperti bulan, matahari dan sebagainya. Semuanya itu sebagai bukti keterangan yang nyata tentang kudrat, iradah, ilmu, kebijaksanaan serta pengurniaan nikmat dari Allah Subhanahu Wata'ala yang banyak dan luas yang mendorong supaya makhluknya memuji dan bersyukur, serta mengabdikan diri sebagai hamba dengan khusyuk dan tunduk kepada Allah Subhanahu Wata'ala.

Kita mestilah percaya dengan penuh yakin bahawa Allah Subhanahu Wata'ala yang mengatur perjalanan bumi, bulan, matahari. Dialah pentadbir cakerawala serta seluruh alam, dan seumpamanya dan semuanya adalah di bawah kekuasaan Allah Subhanahu Wata'ala yang mengerakkannya. Peredaran bulan dan matahari yang teratur setiap hari secara berganti-ganti, matahari dan bulan yang beredar di orbitnya adalah atas kudrat dan iradah Allah Subhanahu Wata'ala jua, dan perkara tersebut mempunyai hikmah dan tujuan tersendiri dan tidaklah dijadikan dengan sia-sia. Sepertimana Allah berfirman di dalam Surah Yasin dari ayat 37 – 40:

وَأَيَّةٌ لَهُمُ اللَّيْلُ نَسْلَخُ مِنْهُ النَّهَارَ فَإِذَا هُمْ مُظْلِمُونَ (37) وَالشَّمْسُ تَجْرِي لِمُسْتَقَرٍّ لَهَا ۚ ذَٰلِكَ تَقْدِيرُ الْعَزِيزِ الْعَلِيمِ (38) وَالْقَمَرَ قَدَرْنَاهُ مَنَازِلَ حَتَّىٰ عَادَ كَالْعُرْجُونِ الْقَدِيمِ (39) لَا الشَّمْسُ يَنْبَغِي لَهَا أَنْ تُدْرِكَ الْقَمَرَ وَلَا اللَّيْلُ سَابِقُ النَّهَارِ ۚ وَكُلٌّ فِي فَلَكٍ يَسْبَحُونَ (40)

Terjemahan: Dan lagi dalil yang terang untuk mereka (berfikir) ialah malam; Kami hilangkan siang daripadanya, maka dengan serta-merta mereka berada dalam gelap-gelita; dan (sebahagian dari dalil yang tersebut ialah) matahari; ia kelihatan beredar ke tempat yang ditetapkan baginya; itu adalah takdir Tuhan Yang Maha Kuasa, lagi Maha Mengetahui; dan bulan pula Kami takdirkan dia beredar melalui beberapa peringkat, sehingga di akhir peredarannya kelihatan kembalinya pula ke peringkat awalnya – (berbentuk melengkung) seperti tandan yang kering. (Dengan ketentuan yang demikian), matahari tidak mudah baginya mengejar bulan, dan malam pula tidak dapat mendahului siang; kerana tiap-tiap satunya beredar terapung-apung di tempat edarannya masing-masing.

Sidang hadirin yang dirahmati Allah sekalian,

Pada pagi ini, kita sekali lagi diberi peluang oleh Allah Subhanahu Wata'ala untuk melihat salah satu daripada kebesaran-Nya iaitu gerhana bulan. Kejadian ini mengajak kita untuk meningkatkan lagi keimanan dan ketaqwaan tentang keagungan-Nya sebagai Pentadbir bagi sekalian alam. Gerhana bulan merupakan suatu peristiwa yang menakjubkan kepada seluruh umat manusia di mana pada malam ini bulan akan kehilangan sebahagian cahayanya. Hal ini berlaku kerana kedudukan bumi berada di tengah antara matahari dan bulan dalam satu garisan. Justeru, bumi akan menghalang cahaya matahari daripada sampai ke bulan dan menyebabkan bayang-bayang bumi terbentuk di permukaan bulan. Kejadian ini menyebabkan fasa bulan purnama yang kelihatan di langit akan beransur-ansur hilang dan keadaan cahaya bulan akan kelihatan malap buat seketika.

Sidang Jemaah yang diberkati Allah,

Apabila berlaku gerhana sama ada gerhana bulan mahupun matahari, kita sebagai umat Islam dianjurkan oleh Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam supaya bersegera untuk melakukan amalan-amalan seperti berdoa, berzikir, bersembahyang, bertakbir, bersedekah dan beristighfar. Sebagaimana hadis Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam:

قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ((إِنَّ الشَّمْسَ وَالْقَمَرَ آيَتَانِ مِنْ  
آيَاتِ اللَّهِ، وَإِنَّهُمَا لَا يَنْخَسِفَانِ لِمَوْتِ أَحَدٍ، وَلَا لِحَيَاتِهِ، فَإِذَا رَأَيْتُمُوهُمَا  
فَكَبِّرُوا، وَادْعُوا اللَّهَ وَصَلُّوا وَتَصَدَّقُوا، ... ))

Mafhumnya: Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda: ( Sesungguhnya matahari dan bulan adalah 2 bukti daripada tanda-tanda kebesaran Allah Ta'ala di mana kedua-duanya tidak akan gerhana kerana kematian atau hidupnya seseorang. Maka apabila kamu melihat gerhana itu maka berdoalah kepada Allah, bertakbirlah, dirikanlah sembahyang dan bersedekahlah.....

(Hadith riwayat Imam Muslim)

Hadith sebentar tadi juga ada menerangkan bahawa kejadian gerhana matahari atau bulan tidak akan memberikan apa-apa mudarat dan manfaat tanpa izin Allah, malah kedua-duanya adalah bukti keagungan dan kekuasaan Allah Subhanahu Wata'ala. Kejadian gerhana juga bukanlah disebabkan oleh kematian atau kelahiran seseorang sebagaimana teguran Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam terhadap para sahabat yang membuat pelbagai andaian tentang kejadian gerhana matahari yang berlaku berkebetulan dengan hari kewafatan anakandanya Ibrahim.

Sidang Jemaah sekalian,

Mengakhiri khutbah, mimbar mengharapkan kejadian gerhana bulan ini akan menimbulkan keinsafan, kesedaran, menambah serta menguatkan lagi keimanan dan ketakwaan kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala. Marilah sama-sama kita berdoa kepada Allah Subhanahu Wata'ala semoga gerhana yang berlaku ketika ini tidak mengakibatkan berlakunya malapetaka alam seperti perubahan angin dan cuaca yang akan memungkinkan kesan kepada alam sekitar dan memberi kesan kepada perubahan tabii alam, tumbuh-tumbuhan serta kehidupan di dunia. Sebagai usaha untuk melahirkan keteguhan dan mengekalkan kekuatan iman yang ada dalam diri umat Islam, mimbar menggariskan beberapa nasihat untuk dijadikan pedoman antaranya:

**Pertama:** Marilah kita sama-sama memikirkan setiap kejadian fenomena alam dijadikan oleh Allah Subhanahu Wata'ala yang penuh dengan hikmah kebaikan dan tidaklah dijadikan dengan sia-sia;

**Kedua:** Marilah kita menjauhkan diri daripada lalai dan lupa kepada Pencipta sekalian alam iaitu Allah Subhanahu Wata'ala;

**Ketiga:** Marilah kita sama-sama menghitung, mempertingkatkan dan memperkemaskan amal kebajikan sepanjang masa sebagai bekal kita semasa di akhirat kelak;

**Keempat:** Bersegeralah memohon taubat kepada Allah Subhanahu Wata'ala di atas kealpaan dan keingkaran mentaati perintah-Nya agar kita tidak menyesal di kemudian hari; dan

**Kelima:** Marilah kita sama-sama mengingati nikmat syurga dan azab neraka yang dijanjikan oleh Allah Subhanahu Wata'ala pada hari perhitungan kelak. Sebagaimana hadith daripada Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam :

قَالَ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: ((إِنِّي رَأَيْتُ الْجَنَّةَ، فَتَنَاوَلْتُ عُقُودًا، وَلَوْ أَصَبْتُهِ لَأَكَلْتُ مِنْهُ مَا بَقِيََتِ الدُّنْيَا، وَأَرَيْتُ النَّارَ، فَلَمْ أَرَ مَنْظَرًا كَالْيَوْمِ قَطُّ أَفْظَعَ...))

Mafhumnya: Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda: (Sungguh aku tadi melihat syurga. Aku berupaya meraih setandan buah-buahan di dalamnya. Andai kalian mendapatkannya lalu memakannya, niscaya kalian tidak perlu lagi makanan di dunia. Kemudian aku melihat neraka. Belum pernah aku melihat pemandangan yang mengerikan seperti itu.)

(Riwayat Imam Bukhari)

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ  
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلْ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتُهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ وَاسْتَغْفِرُ  
اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ  
فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا فُوزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَا نَجَاةَ التَّائِبِينَ.

## Khutbah 2

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي أَرْسَلَ رَسُولَهُ بِالْهُدَىٰ وَدِينِ الْحَقِّ لِيُظْهِرَهُ عَلَى الدِّينِ كُلِّهِ وَلَوْ كَرِهَ الْمُشْرِكُونَ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ،  
 اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى حَبِيبِنَا وَشَفِيعِنَا وَذُخْرِنَا وَقُدُّوتِنَا وَأُسُوتِنَا مُحَمَّدٍ  
 إِمَامِ الْمُتَّقِينَ وَقَائِدِ الدُّعَاةِ الْمُجَاهِدِينَ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَمَنْ سَارَ عَلَى  
 نَهْجِهِ وَجَاهَدَ جِهَادَهُ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ.

فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، أُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ وَطَاعَتِهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Sidang jemaah yang dirahmati Allah sekalian,

Apabila berlaku kejadian gerhana, baginda Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam akan bersolat dengan masa yang sangat lama, berdoa sehingga menitiskan air matanya kerana mengingati hari kiamat. Baginda bimbang dan gusar akan dosa dan maksiat yang dilakukan oleh umatnya yang mana semua ini akan dibalas dengan azab yang amat dahsyat oleh Allah Subhanahu Wata'ala. Demikianlah kecintaan Baginda Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam kepada umatnya.

Namun timbul persoalan yang sepatutnya kita tanyakan pada diri kita, iaitu bagaimanakah kecintaan kita pada Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam? Apakah pernah timbul perasaan takut dan risau setiap kali kita mengenangkan dosa dan maksiat yang telah kita lakukan? Atau mungkin kita tidak pernah pun bermuhasabah tentang dosa dan pahala kerana terlalu sibuk mengenai hal lain untuk kita cuba memikirkannya?

Sidang jemaah yang dirahmati Allah sekalian,

Allah Subhanahu Wata'ala menjadikan manusia ini hidup dengan peraturan yang di atur oleh-Nya yang dinamakan syariat. Hidup manusia akan terus bahagia dan harmoni di dunia ini dan diakhirat nanti selagi mana kita mengikut segala syariat Allah Subhanahu Wata'ala. Sepertimana alam ini yang bergerak dengan aturan Allah Subhanahu Wata'ala dan ia akan terus kekal dalam fitrahnya. Maka begitu jugalah manusia, akan berbahagia bukan saja di dunia malah di akhirat nanti sekiranya hidupnya mematuhi syariat Allah.

Maka wajarlah kita melihat segala yang melanggar syariat Allah Subhanahu Wata'ala itu, sesuatu yang akan membawa kesengsaraan dan kecelakaan dalam kehidupan kita. Maka pelbagai isu yang timbul hari ini seperti isu tuntutan hak kebebasan bagi golongan LGBT, aliran pemikiran Liberal dan pelbagai lagi pemikiran dan aliran yang menyalahi fitrah adalah perkara-perkara yang hanya akan membawa kecelakaan dan kebinasaan dalam hidup setiap insan. Semua masalah ini terjadi apabila hilangnya perasaan takut di dalam diri manusia kepada Sang Pencipta iaitu Allah Subhanahu Wata'ala.

Justeru, gerhana pada pagi ini menunjukkan betapa perlunya kita sebagai hamba agar memohon keampunan daripada Allah Subhanahu Wata'ala, bertaubat dari segala kesalahan yang telah kita lakukan. Sesungguhnya Allah Subhanahu Wata'ala sangat cintakan manusia yang bertaubat dan dijanjikan kehidupan yang penuh dengan nikmat kepada sesiapa yang



bertaubat dari semua dosa yang dilakukannya. Sepertimana firman Allah Subhanahu Wata'ala di dalam Surah Hud ayat 3:

وَأَنِ اسْتَغْفِرُوا رَبَّكُمْ ثُمَّ تُوبُوا إِلَيْهِ يُمَتِّعْكُمْ مَتَاعًا حَسَنًا إِلَىٰ أَجَلٍ مُّسَمًّى  
وَيُؤْتِ كُلَّ ذِي فَضْلٍ فَضْلَهُ ۖ وَإِن تَوَلَّوْا فَإِنِّي أَخَافُ عَلَيْكُمْ عَذَابَ يَوْمٍ

### كَبِير (3)

Terjemahan: Dan hendaklah kamu meminta ampun kepada Tuhan kamu (dari perbuatan syirik), kemudian hendaklah kamu rujuk kembali taat kepadaNya; supaya Ia memberi kamu nikmat kesenangan hidup yang baik (di dunia) hingga ke suatu masa yang tertentu, dan (di akhirat pula) Ia akan memberi kepada tiap-tiap seorang yang mempunyai kelebihan (dalam sebarang amal yang soleh) akan pahala kelebihannya itu; dan jika kamu berpaling (membelakangkan tiga perkara itu), maka sesungguhnya aku bimbang kamu akan beroleh azab hari kiamat yang besar (huru-haranya).

اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ أَنْ تَرْزُقَ كُلًّا مِنَّا لِسَانًا صَادِقًا ذَاكِرًا، وَقَلْبًا خَاشِعًا مُنِيبًا،  
وَعَمَلًا صَالِحًا زَاكِيًا، وَعِلْمًا نَافِعًا رَافِعًا، وَإِيمَانًا رَاسِخًا ثَابِتًا، وَيَقِينًا صَادِقًا  
خَالِصًا، وَرِزْقًا حَالًا طَيِّبًا وَاسِعًا، يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ.  
اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَوَحِّدِ اللَّهُمَّ صُفُوفَهُمْ، وَأَجْمَعْ كَلِمَتَهُمْ عَلَى  
الْحَقِّ، وَاكْسِرْ شَوْكَةَ الظَّالِمِينَ، وَاكْتُبِ السَّلَامَ وَالْأَمْنَ لِعِبَادِكَ أَجْمَعِينَ

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ  
وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدُّعَاءِ.

اللَّهُمَّ وَفَّقْ سُلْطَانَ نَزْرِينَ مُعِزَّ الدِّينِ شَاهُ ابْنِ الْمَرْحُومِ سُلْطَانَ أَرْزُلْنَ مُحِبُّ  
الدِّينِ شَاهُ الْمَغْفُورِ لَهُ بِمَا تُحِبُّ وَتَرْضَاهُ

عِبَادَ اللَّهِ! إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ، وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَى، وَيَنْهَى عَنِ  
الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ. يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ. وَادْكُرُوا اللَّهَ يَذْكُرْكُمْ  
وَأَشْكُرُوا عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ. وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ. وَاللَّهُ  
يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.